

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGKAMI


May 10, 2015

Tapak Masjid Al-Umm Setua Bandar Baru Bangi

BBB, 20 Rajab 1436 = 09 Mei 2015 (Sabtu):

Setiap masjid mempunyai sejarah tersendiri. Masjid al-Haram di Makkah pembinaannya dikaitkan dengan Nabi Allah Ibrahim al-Khalil bersama anaknya Ismail. Pembinaan Masjid Nabawi di Madinah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam rangka hijrah Baginda ke Madinah.

Sebagaimana masjid-masjid yang lain, maka Masjid Al-Umm mempunyai latar sejarahnya yang tersendiri. Masjid Al-Umm tidak terpisah dari sejarah pembinaan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi. Pengwujudan Bandar Baru Bangi adalah sebagai pemangkin bagi kemajuan UKM. Bandar Baru Bangi adalah diharapkan menjadi 'Bandar Universiti' - UKM. Sebab itu apabila tapak UKM dikenalpasti sejak 1972, turut dikenalpasti tapak bagi Bandar Baru Bangi dan apabila kampus UKM mulai dibangunkan, maka turut dibangunkan ialah tapak perumahan Bandar Baru Bangi.



Pembangunan Baru Bangi 1975 adalah bermula dengan Seksyen Satu yang mana tapak bagi sebuah masjid disediakan di Seksyen Satu, di pinggir bukit Bangi (bersempadan dengan Seksyen 2). Perumahan awal dibangunkan ialah perumahan jenis semi D (8 lorong), rumah teres dua tingkat (dua baris) dan perumahan teres setingkat type A dan B yang kesemua berjumlah 200 buah rumah.


Perpindahan ke kampus UKM dari Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur (kampus sementara sejak 18 Mei 1970) ialah pada bulan Oktober 1977 (berperingkat). Penulis selaku pensyarah pada masa itu mula menghantar buku-buku ke pejabat kampus Bangi pada 26 Oktober 1977, diikuti pemindahan mereka yang membeli rumah di Bandar Baru Bangi ialah pada 30 November 1977. PKNS yang berpejabat di Taman Mesra Kajang menyerahkan kunci rumah pada tarikh tersebut dibuat di tapak perumahan BBB. Pada peringkat permulaan belum timbul tentang keperluan mendirikan masjid di Bandar Baru Bangi, sedangkan di kampus UKM sendiri masih belum ada masjid. Pada peringkat permulaan bagi penduduk Bandar Baru Bangi yang masih kecil bilangan itu dan juga bagi warga kampus UKM bersolat Jumaat adalah di Masjid Kajang. Bagi penduduk awal Bandar Baru Bangi untuk ke Kampus dan Masjid Kajang terpaksa melalui jalan teras jernang melalui jambatan kayu atau jalan pintas melalui jalan tanah kebun getah dan kelapa sawit keluar melalui jambatan di West Country ke Kajang. Jambatan ke UKM sebagaimana kini belum lagi dibina.

Apabila warga kampus makin ramai berpindah, maka pihak UKM mengadakan solat Jumaat di hadapan foyer Pejabat Pentadbiran, UKM, tapi oleh kerana tempat ini kurang selesa, maka ruang solat Jumaat dipindahkan ke ruang legar Fakulti FSKK. Apabila bangunan Perpustakaan UKM siap dibina. Rasmi pembukaannya pada 19 Sya'ban 1400=02 Julai 1980, maka solat Jumaat dilakukan di tingkat bawah bangunan Perpustakaan Tun Seri Lanang tersebut hingga Masjid UKM yang mula dibina pada 16 Mac


ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 0 8 8
7

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR




~PERSURATAN SUFI~




~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR
ILMU~

1979 itu siap dan mula digunakan pada 16 April 1982. Dengan adanya Masjid UKM ini, maka solat Jumaat bagi penduduk BBB menunaikan solat Jumaat di sini.




~TEORI TAKMILAH~

Adapun bagi mendirikan solat berjamaah pada peringkat awal diadakan solat berjamaah dari rumah ke rumah sebagai amalan usrah, namun selepas penduduk mengadakan AJK bagi mengadakan aduan kerosakan kepada pihak PKNS, maka AJK ini sebagai persatuan penduduk yang diketuai oleh Encik Omar Jaafar dan disetiausaha oleh Encik Salleh bin Kasim yang mana Encik Omar Jaafar sebagai Pegawai Pentadbir UKM dilantik menjadi Ahli Ahli Majlis Daerah Hulu Langat, maka beliau yang selaku YDP Persatuan Penduduk pertama BBB telah berusaha mendapat sebuah bangunan yang dapat dijadikan surau bagi penduduk BBB yang pada masa itu hanya mempunyai satu seksyen sahaja. Di atas usaha ini maka pihak PKNS bersetuju menyerahkan sebuah rumah semi D beralamat No. 6, Jalan 1/3G sebagai surau bagi penduduk. Bangunan ini secara rasmi diserahkan oleh pihak PKNS kepada Penduduk BBB pada 5 Ogos 1978. Penduduk BBB mengadakan gotong royong membersih rumah tersebut yang secara kebetulan juga bagi menyambut awal Ramadhan, maka pada 6 Ogos 1978 bersamaan 01 Ramadhan 1395 Surau mula digunakan. Nama Surau Al-Umm diberi nama, kerana inilah surau pertama digunakan oleh penduduk BBB. Nama Al-Umm bererti 'Ibu' bagi surau BBB. Dengan adanya Masjid di UKM dan Surau al-Umm di Seksyen Satu BBB, maka penduduk tidak memikirkan tentang mendirikan masjid buat pada masa itu.



~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012

Walau bagaimana oleh kerana adanya tapak bagi masjid di Seksyen Satu, maka pada tahun-tahun 1990an ada usaha untuk mendirikan surau dari AJK Surau al-Umm. Pihak Setiausaha Surau pada masa itu Tuan Haji Hussein Yunus pernah membuat permohonan kepada pihak JAIS bagi mendapat kebenaran bagi mendirikan surau, dan pernah dilancarkan pemungutan derma, tetapi usaha ini terhenti. Apa lagi pada awal 1990an selepas berlaku pertambahan perumahan seperti jalan 1/7 hingga 1/9, maka timbul dari kalangan penduduk berkenaan usaha mendirikan surau yang kini dikenali dengan Surau Al-Nur. Surau ini terkenal sebagai surau yang mengadakan solat Jumaat dan banyak menjalankan kegiatan keilmuan dan mendapat sambutan dengan adanya guru-guru setempat dan guru-guru yang didatangkan dari luar. Tenaga utama yang menggerakkan surau ini yang asalnya AJK Surau Al-Umm ialah Tuan Haji Ghazali Abbas. Surau ini menjadi lebih terkenal dengan adanya Dar al-Shifa' yang pusat kegiatannya berdekatan dengan Surau al-Nur dan Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din yang asalnya tinggal di Taman Bangi Kajang berpindah dan menetap di Jalan 1/9 BBB di sini. Perlu disebut selepas 1990an, kawasan BBB makin meluas, beberapa seksyen bertambah seperti Seksyen 2, 3 dan 4, maka penduduk bagi seksyen-seksyen berkenaan berusaha mendirikan surau bagi kawasan perumahan masing-masing, maka makin bertambahlah surau-surau di BBB. Walau bagaimana hingga kepada masa tersebut belum ada masjid khas bagi BBB hingga pada akhir 1990an ini pihak Kerajaan negeri Selangor melalui PKNS mengadakan bangunan masjid, walau bagaimana pemilihan tapak tidak dilakukan pada tapak asal yang disediakan untuk masjid di Seksyen Satu BBB, kerana pada masa itu dengan bertambahnya berbagai

seksyen di BBB – hingga Seksyen 9, maka tapak di Seksyen Satu BBB dilihat tidak lagi strategik, lagi pula keluasan tapak berkenaan dilihat terlampaui sempit bagi sebuah masjid (1.93 ekar), sebaliknya sebuah tapak baru yang strategik yang berada di kawasan pusat bandar di seksyen 9, telah dipilih bagi Masjid BBB. Adalah difahamkan pada asalnya dirancang bagi mendirikan ‘Pusat Islam’ BBB yang luasnya melebihi 10 ekar, tapi yang menjadi realiti hanya Masjid BBB sahaja didirikan yang kemudiannya dikenali sebagai Masjid Al-Hasanah di atas tapak lebih kurang lima ekar. Ini adalah merupakan masjid terawal didirikan di Bandar Baru Bangi dan masjid yang terkenal dengan nama Masjid Al-Hasanah ini mula digunakan pada akhir tahun 2,000. Maka dengan adanya Masjid Al-Hasanah, di samping penduduk juga boleh menggunakan Masjid UKM, maka tiada timbul soal mau mendirikan Masjid di Seksyen Satu BBB. Namun tapak berkenaan tetap kekal bagi bangunan masjid - kawasan yang berdekatan dengan sebuah padang dan Sekolah Kebangsaan BBB itu ditumbuhki hutan kecil.

Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:14 AM](#)

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

 Comment as: Syahrul Sazli S


Notify me

Newer Post


[Home](#)

Older Post


Subscribe to: Post Comments (Atom)



~BANGI BANDAR ILMU~



~MADU ILMU~



~WAJAH DIRI~

